

“Apabila saya menjadi rakyat Malaysia pertama sebagai gabenor, matlamat pertama saya adalah untuk membangunkan Bank Negara Malaysia itu sendiri, iaitu untuk menjadikannya institusi kewangan yang unggul.”

**Tun Ismail Ali**  
Gabenor Rakyat Malaysia Pertama




## Kemunculan Peneraju Baharu - Gabenor Rakyat Malaysia Pertama *A New Dawn Emerges – The First Malayan Governor*



Pada 22 November 1960, Ismail Ali (kemudian Tun) dipinjamkan daripada Perkhidmatan Awam Tanah Melayu untuk berkhidmat sebagai Timbalan Gabenor yang pertama di Bank. Beliau sebelum ini bertugas di Washington D.C. sebagai menteri ekonomi di Kedutaan Persekutuan Tanah Melayu dan sebagai Pengarah Eksekutif Bank Antarabangsa untuk Pembinaan Semula dan Pembangunan (IBRD).

Kurang dari dua tahun selepas itu, Ismail Ali telah dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Tanah Melayu pada 26 Julai 1962. Gabenor Ismail mewarisi asas bagi struktur perbankan dan kewangan yang ditetapkan oleh Tan Sri Wilcock.

Untuk negara yang baharu mencapai kemerdekaan, ini adalah peristiwa penting. Sebaik sahaja Ismail Ali melangkah ke dalam premis Bank Negara Tanah Melayu sebagai Gabenor, satu permulaan pembangunan negara dan pembangunan ekonomi telah bermula - yang akan berlangsung selama 18 tahun.



On 22 November 1960, Ismail Ali (later Tun) was seconded from the Malayan Civil Service to serve as the first Deputy Governor of the Bank. He was previously based in Washington D.C., where he served as the economics minister at the Embassy of the Federation of Malaya and as an Executive Director of the International Bank for Reconstruction and Development.

Less than two years later, Ismail Ali was appointed governor of Bank Negara Tanah Melayu on 26 July 1962. Governor Ismail inherited the foundations for a firm banking and monetary structure set by his predecessor, Tan Sri Wilcock.

For a young and newly independent nation, this was a major milestone. As Ismail Ali stepped into the premises of Bank Negara Tanah Melayu as its new governor, a new dawn of nation building and economic development has begun – one that would last for 18 years.

## Bank tempatan untuk rakyat! Local banks for the people!



Menteri Kewangan, Tan Siew Sin bermesyuarat dengan pegawai kanan Bank Negara Malaysia, termasuk Gabenor Ismail (kiri beliau) dan pegawai dari bank perdagangan, di Bank Negara Malaysia, Mei 1972  
*Minister of Finance Tan Siew Sin (fifth from right) meeting with senior officers of Bank Negara Malaysia, including Governor Ismail seated to his left, and officers from commercial banks at Bank Negara Malaysia, May 1972*

Salah satu tugas utama Gabenor Ismail adalah untuk mempelbagaikan sektor perbankan, jauh dari didominasi oleh bank asing. Beliau percaya bahawa bank perdagangan memainkan peranan utama dalam kemajuan dan pembangunan ekonomi negara dan bank merupakan institusi penting untuk menggerakkan sumbu kewangan negara.

One of Governor Ismail's major tasks was to diversify the banking sector, away from being dominated by foreign banks. He believes that commercial banks play a key role in the progress and development of our country's economy and that a bank is an important institution for mobilising the financial resources of the country.

Komitmentnya yang mantap telah menjadikan visi satu kenyataan kerana Bank secara sistematik menggalakkan penubuhan bank-bank tempatan.

His steadfast commitment turned this vision into reality as the Bank systematically encouraged the setting up of local banks.

### PERKEMBANGAN: BANK-BANK TEMPATAN MILESTONES: LOCAL BANKS


Bank tempatan  
Local Banks  
Bank asing  
Foreign banks



**1950**

Urusan bank pada tahun 1950 an masih dianggap asing. Hanya untuk yang kaya dan berpendidikan tinggi. Jurang ini dipenuhi dengan adanya ceti, pengurup wang dan kedai pajak gadai.


*Banking in the 1950s was still see as foreign, meant only for the rich and the very educated. It is this gap in the structure that chettiar together with other money lenders and pawnbrokers filled.*



**1959**

8 bank tempatan dan 16 bank asing.


*8 local banks and 16 foreign banks.*



**Akhir tahun 1960-an  
End of 1960s**

Bilangan bank tempatan meningkat. Ini termasuklah penubuhan United Malayan Banking Corporation, Malayan Banking, Public Bank, Bank Pembangunan dan Bank Perdagangan dan Bank Bumiputra Malaysia.

*The number of local banks had increased. These included the establishment of United Malayan Banking Corporation, Malayan Banking, Public Bank, Development and Commercial Bank and Bank Bumiputra Malaysia.*



**1982**

22 bank tempatan dan 16 bank asing. Bukan sahaja bilangan bank tempatan melebihi bank asing, tetapi bank-bank tempatan juga muncul sebagai bank terbesar di negara ini. Malayan Banking (Maybank) dan CIMB Bank adalah dua bank terbesar pada masa ini.

*22 local banks outstripped that of foreign banks, but the local banks have also emerged as the largest banks in the country. Malayan Banking (Maybank) and CIMB Bank are the two largest bank presently.*